

## Minat Guru Perniagaan dan Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan

### *(Teacher's Interest in Business Studies and The Entrepreneurship Qualities among The Business Studies Students)*

Kalaivany Mageswaran<sup>1\*</sup> , Norasmah Othman<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [kalaivany5872@gmail.com](mailto:kalaivany5872@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: [lin@ukm.edu.my](mailto:lin@ukm.edu.my)

#### **CORRESPONDING**

#### **AUTHOR (\*):**

Kalaivany Mageswaran  
([kalaivany5872@gmail.com](mailto:kalaivany5872@gmail.com))

#### **KATA KUNCI:**

Penerapan Ciri Keusahawanan  
Minat Guru  
Ciri Keusahawanan Murid

#### **KEYWORDS:**

Entrepreneurship education  
Teachers interest  
Students Entrepreneurship  
Qualities

#### **CITATION:**

Kalaivany Mageswaran & Norasmah Othman. (2022). Minat Guru Perniagaan dan Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), e001606.  
<https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i5.1606>

#### **ABSTRAK**

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenal pasti, membentuk dan mempengaruhi murid yang mempunyai potensi atau ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid dipengaruhi oleh pengajaran guru yang berkesan. Namun kini, guru mata pelajaran perniagaan menunjukkan sikap sederhana positif dalam pengajaran. Komitmen guru dalam pengajaran komponen perniagaan dan keusahawanan juga masih kurang. Komitmen yang rendah berpunca daripada kekurangan pengetahuan serta latihan. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap minat guru serta tahap ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan. Minat guru dalam mata pelajaran perniagaan secara tidak langsungnya mempengaruhi penerapan ciri keusahawanan murid. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan melibatkan seramai 63 guru mata pelajaran perniagaan di daerah Seremban sebagai responden kajian. Hasil data yang dianalisis mendapati keseluruhan tahap minat guru dalam mengajar mata pelajaran perniagaan adalah tinggi dan tahap ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan juga tinggi. Ini jelas menunjukkan bahawa guru mata pelajaran perniagaan mempunyai minat yang tinggi dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Data juga menunjukkan ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan juga tinggi. Kesimpulan data ini menggambarkan bahawa minat guru terhadap mata pelajaran perniagaan adalah tinggi serta tahap ciri keusahawanan murid juga tinggi. Ini bermakna proses pengajaran pembelajaran mata pelajaran telah berjaya dilaksanakan.

#### **ABSTRACT**

The effectiveness of entrepreneurship education at school level is to identify the potential students with entrepreneurship qualities. The process of integrating the

entrepreneurship qualities among school students are influenced by various factors such as teacher's attitude, motivation, teachers experiences and the entrepreneurship qualities in teachers as well towards the business subject. Thus, teachers at current shows moderate and low commitments towards handling the business subject. This paper aims to identify the level of interest of business teachers in teaching the subject as well as to identify the level of business student's entrepreneurship qualities in Seremban district. The study used questionnaire as a research instrument and involved 63 Seremban District secondary school business subject teachers. The result of the data analysed found that the overall interest level of business subject teachers towards teaching the subject is good as well as the level of student's entrepreneurship qualities shows a good grades. The finding shows that the process of intergrating the entrepreneurs qualities toward business students are highly influenced by the entrepreneurship education in school level.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini ialah dapat memperbaiki dan mempertingkatkan cara-cara penyerapan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan murid melalui mata pelajaran perniagaan dan keusahawanan.

## 1. Pengenalan

Pendidikan keusahawanan merupakan satu kaedah yang berupaya melahirkan bilangan usahawan yang ramai. Ini kerana melalui pendidikan ini, kemahiran, serta pengetahuan berkaitan keusahawanan akan dapat dipupuk di mana akhirnya minat ke arah keusahawanan akan terbit dalam kalangan golongan muda, khususnya dalam kalangan murid sekolah (Mahendran et al., 2017). Pendidikan keusahawanan di peringkat sekolah boleh membantu murid memperkembangkan kecenderungan serta minat dalam bidang keusahawanan (Qian et al., 2019). Pentingnya pembudayaan keusahawanan ini dalam kalangan murid adalah kerana pendidikan keusahawanan terbukti berupaya membantu membangunkan ekonomi sesebuah negara. Justeru, hasrat untuk melahirkan lebih ramai usahawan adalah antara agenda negara agar negara mampu bersaing dengan pembangunan yang pesat di peringkat antarabangsa (Warman et al., 2010).

Tambahan pula, bidang pendidikan keusahawanan merupakan satu keperluan dalam menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang produktif. Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030, menegaskan bahawa galakkan perlu diberikan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia. Galakkan ini bertujuan untuk mendorong lebih ramai golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan. Cara ini akhirnya akan membawa kepada pencapaian matlamat DKN iaitu membentuk masyarakat berpemikiran dan berbudaya keusahawanan serta meningkatkan bilangan keusahawanan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Malah, pendidikan keusahawanan dianggap amat penting kerana ia terbukti mempunyai korelasi dengan pembangunan ekonomi sesebuah negara dan juga kesejahteraan sosio-ekonomi seseorang (Norasmah, 2002).

Sejajar itu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah berusaha untuk menerapkan unsur keusahawanan bermula dari bangku sekolah agar golongan muda berminat untuk

menceburi bidang keusahawanan. Pada peringkat sekolah rendah pendedahan dan penerapan ciri keusahawanan dilaksanakan melalui mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) serta mata pelajaran perniagaan di peringkat sekolah menengah. Kandungan kurikulum pada Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran perniagaan adalah untuk menyediakan murid sebagai modal insan yang menjadikan perniagaan sebagai satu kerjaya, mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dan mampu bersaing di peringkat global. Matlamat ini jelas menunjukkan bahawa penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid berlaku melalui pendidikan formal.

## 2. Penyataan Masalah

Pendidikan keusahawanan yang berkesan di sekolah berupaya mengenal pasti, membentuk dan mempengaruhi murid yang mempunyai potensi atau ciri keusahawanan untuk menjadi usahawan. Penerapan ciri-ciri keusahawanan dalam diri murid boleh dipengaruhi oleh minat, sikap, motivasi, pengalaman guru serta sifat keusahawanan yang diamalkan oleh guru sendiri. Secara amnya faktor-faktor tersebut dapat mempengaruhi minat guru dalam penyampaian pengajaran yang berkesan. Minat guru terdorong oleh motivasi, guru yang mempunyai motivasi tinggi dapat menunjukkan sikap yang positif dalam menjalankan tugas mereka. Guru yang bermotivasi tinggi, berpengalaman serta memiliki daya kreativiti yang tinggi dapat menerapkan ciri keusahawanan kepada murid secara berkesan (Mohd. Ishak et al., 2002). Namun isunya kini, guru mata pelajaran perniagaan menunjukkan sikap yang sederhana positif dalam pendidikan keusahawanan (Yap, 2002). Guru perniagaan juga mempunyai motivasi yang rendah yang telah mengehadkan pembelajaran dan kemampuan murid untuk mendapatkan ilmu (Yatim & Idris, 2016).

Walaupun faktor-faktor seperti motivasi, pengalaman guru, tingkah laku guru serta sifat keusahawanan yang sedia ada pada guru mempengaruhi minat serta suasana pembelajaran mata pelajaran perniagaan, namun penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid adalah kurang berkesan. Komitmen guru dalam pengajaran komponen perniagaan atau keusahawanan masih kurang (Yap, 2002). Komitmen guru yang rendah ini berpunca daripada pengetahuan serta kekurangan persediaan guru dalam mengendalikan pengajaran walaupun pelbagai latihan dan kursus telah dijalankan (Hamzah et al., 2009). Guru perlu lebih berkomited, kreatif serta berinovasi dalam pengajaran supaya penerapan ciri keusahawanan berlaku.

Murid juga memerlukan kemahiran keusahawanan yang merangkumi ciri-ciri keusahawanan seperti kreatif, inisiatif dan mampu membuat perubahan dengan menggunakan peluang yang ada untuk berjaya (Noorizda dan Noraman, 2018). Namun terdapat isu di mana guru menganggap mata pelajaran perniagaan tidak penting dan lebih mengutamakan mata pelajaran teras (Bakri & Hatta, 2007). Malah, pengajaran guru juga masih berorientasikan peperiksaan dan bukannya menerapkan nilai-nilai kehidupan yang sebenar. Hal ini disebabkan oleh sikap guru yang terdesak dalam menjalankan pengajaran perniagaan walaupun mata pelajaran perniagaan merupakan mata pelajaran yang baharu menggantikan mata pelajaran perdagangan (Yap, 2002).

Peranan guru dalam penerapan ciri keusahawanan melalui pendidikan adalah tidak bergantung semata-matanya pada kurikulum. Pengajaran guru yang berkesan adalah dengan melahirkan murid yang mempunyai kemahiran "*soft skill*" serta sifat terpuji seperti keyakinan, berani dan inovatif (Othman et al., 2003). Malah, guru sendiri perlu

mempunyai motivasi dan minat untuk menguasai kemahiran insaniah ini sebelum diterapkan pada murid. Minat guru perlu ada dalam bidang keusahawanan supaya kemahiran keusahawanan yang ada pada guru boleh diterapkan kepada murid melalui pendidikan (Hassan et al., 2010). Namun, kini pengajaran guru adalah berfokuskan pada peperiksaan sahaja serta kemahiran insaniah kurang diterapkan kepada murid.

Justeru kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sama ada wujud hubungan yang signifikan antara tahap minat guru dengan ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan. Minat guru dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan secara tidak langsungnya mendorong pada penerapan ciri keusahawanan kepada murid. Secara khusus, kajian ini mempunyai dua objektif kajian:

- i. Mengetahui tahap minat guru perniagaan dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan.
- ii. Mengetahui tahap ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan dalam mata pelajaran perniagaan.

### 3. Kajian Literatur

#### 3.1. Minat Guru dalam Mata pelajaran Perniagaan

Minat merupakan sesuatu yang abstrak kerana ia tidak boleh dirasai dan tidak boleh dilihat dengan pancaindera (Shahrin Hasim & Mohammad, 2013). Namun, minat boleh dikesan melalui gelagat serta emosi individu dalam menjalani kehidupan seharian mereka (Yatim & Idris, 2016). Minat juga didefinisikan sebagai perkara yang lebih digemari tanpa desakan (Sumadi & Sulistyawati, 2017). Apabila seorang individu mempunyai hubungan yang kuat dan dekat terhadap sesuatu perkara maka semakin tinggi perasaan minat mereka terhadap perkara tersebut tanpa sebarang desakan. Lantaran itu, minat merupakan keinginan dan dorongan yang muncul terhadap sesuatu perkara (Bahri, 2018).

Dari konteks pendidik, guru yang berminat dalam pengajaran akan sentiasa berusaha untuk menguasai kemahiran yang diperlukan agar mereka dapat menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran secara berkesan (Azwan et al., 2005). Walaupun pada peringkat awalnya guru mengalami sedikit kesukaran tetapi oleh kerana pengaruh minat, mereka akan terus berusaha sehingga berjaya menguasai kemahiran pengajaran tersebut. Untuk berjaya, seorang guru harus sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan perubahan dan keperluan semasa, selaras dengan status mereka sebagai kelompok profesional (Azwan et al., 2005). Seorang guru yang baik, perlulah memiliki *passion* terhadap pembelajaran murid dan juga mempunyai pengetahuan tentang mata pelajaran yang diajar. Mereka juga perlu mengetahui kaedah pengajaran yang terbaik agar penyampaian ilmu dapat dilaksanakan secara berkesan kepada murid (Nor Aishah, 2012).

Minat guru dalam bidang keusahawanan juga mempunyai hubungan dalam proses penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid. Guru yang mempunyai minat dalam bidang keusahawanan dilaporkan dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perniagaan secara berkesan serta dapat memberikan kesedaran kepada murid agar meminati bidang keusahawanan (Shahrin & Mohammad, 2013). Guru juga perlu bijak mengatur dan menyusun strategi proses pengajaran dan

pembelajaran agar proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jaya serta dapat menerapkan ciri keusahawanan terhadap murid (Wan Nawang et al., 2016).

Kajian-kajian lepas membuktikan bahawa minat guru dalam proses penerapan ciri keusahawanan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antara faktor tersebut adalah seperti motivasi, tingkah laku serta usaha guru itu sendiri dalam memperkukuhkan pengetahuan.

### 3.2. Motivasi Guru

*“Creativity is often motivated by an individual’s or group need to invent solutions from limited resources”.* (De Dreu et al., 2011). Kenyataan ini telah diutarakan oleh De Dreu et al. (2011) berdasarkan beberapa teori motivasi yang melibatkan beberapa sarjana psikologi seperti Abraham Maslow, Douglas McGregor, McClelland dan Frederick Herzberg. Teori motivasi De Dreu et al. (2011) menerangkan bahawa walau apa pun sebabnya, motivasi merupakan faktor penting dalam mewujudkan individu yang berkeaktiviti. Faktor motivasi ini digerakkan bersama minat kerana motivasi mempengaruhi minat individu untuk menceburi sesuatu bidang (Mohd Azhar, 2003).

Santrock (2008) mengatakan bahawa motivasi merupakan kuasa yang menggerakkan manusia untuk mencapai sesuatu matlamat. Faktor motivasi dapat menggerakkan individu untuk bertindak mengikut kehendak diri dengan lebih bersemangat (Santrock, 2018). Selain itu mengikut kajian Santrock (2008) guru boleh mengajukan beberapa soalan pada diri sendiri seperti “Adakah saya mengajar dalam keadaan yang mendesak? atau saya meminati pengajaran saya”. Motivasi yang terbentuk dalam persoalan itu merupakan gabungan antara traits iaitu sifat dan perangai.

Kajian Natrah et al. (2012), mendapati kebanyakan guru yang mengajar di sekolah tidak mengikut pengkhususan masing-masing namun begitu ia bukan menjadi penghalang kepada mereka. Hal ini kerana, guru bersetuju bahawa mereka akan sentiasa bermotivasi mempelajari sesuatu perkara yang baru di luar bidang pengetahuan. Kenyataan ini menerangkan walaupun guru bukannya dari pengkhususan perniagaan namun bermotivasi untuk mempelajari bidang tersebut disebabkan oleh minat mereka dalam bidang tersebut. Justeru menurut Anandan (2016) guru akan lebih berminat dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran sekiranya pihak sekolah menyediakan kursus motivasi dan latihan bagi meningkatkan minat dan pengetahuan dimiliki oleh guru. Kursus dan latihan ini juga dapat memberikan pendedahan kepada guru dari segi gaya pengajaran yang sesuai dalam penerapan ciri keusahawanan dalam diri murid perniagaan.

### 3.3. Pengalaman dan Tingkah laku Guru

Pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh faktor persekitaran kerja, tempoh dan kekerapan melalui tugas pengajaran (Hashim & Abdul Rahman, 2012). Seorang guru yang telah lama mengajar dalam sesuatu bidang maka agak mudah untuk merancang pengajaran yang berkesan malah minat guru dalam mata pelajaran tersebut adalah sangat mendalam. Hal ini kerana pengalaman individu mempengaruhi aras minat individu. Selain itu menurut Ishak dan Omar (2015) guru yang berpengalaman lebih berkeyakinan dan cenderung dalam menjalankan proses pengajaran yang lebih berkesan. Justeru, pengalaman adalah satu bentuk pendidikan

yang diperoleh secara tidak langsung daripada aktiviti yang pernah dilakukan (Armanurah, 2014).

Guru dapat mengadaptasikan pengetahuan yang diperoleh daripada pengalaman yang lepas dan bidang yang baru serta boleh mewujudkan sifat minat (Nadzri, Shamsudin & Muhammad Sabri, 2014). Oleh yang demikian, guru yang berpengalaman dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan dan minat mereka dalam bidang yang diceburi. Melalui kajian lepas berkaitan faktor pengalaman ini merupakan salah satu ciri keusahawanan. Sebagai contohnya dalam kajian Abdul Aziz dan Zakaria (2004), mereka menyatakan bahawa kejayaan usahawan bergantung pada tingkah laku daripada pengalaman yang mempengaruhi tindakan mereka. Tambah mereka lagi, pengalaman atau pendedahan awal didapati mempunyai pengaruh terhadap tingkah laku mereka serta gaya pengajaran dan pembelajaran dalam sesuatu. Hal ini dilaporkan mampu menimbulkan minat murid dalam mata pelajaran yang diajar guru tersebut.

Tingkah laku juga merupakan tindakan dari aspek fizikal dan verbal. Baker et al. (2015) menerangkan bahawa tingkah laku merupakan perbuatan yang dilakukan sama ada secara terus atau tidak. Tingkah laku guru dalam penerapan ciri keusahawanan melalui proses pembelajaran adalah melalui cara guru menunjukkan kepimpinan yang positif terhadap pengajaran supaya murid dapat mengikuti pembelajaran secara berkesan (Nagarathanam, 2015). Pada masa yang sama tingkah laku guru dalam melaksanakan pengajaran secara berkesan juga dapat menarik minat murid untuk mengikuti pembelajaran. Antara medium yang utama ialah penggunaan perkataan ketika berkomunikasi. Contoh perkataan seperti “Bagus”, “cikgu bangga dengan usaha anda”, “Anda boleh berjaya di masa hadapan” mempengaruhi minat murid untuk terus berusaha. Maka secara tidak langsung tingkah laku yang telah ditunjukkan oleh guru dapat menarik minat murid dalam mengikuti pembelajaran.

Sikap positif yang ditunjukkan oleh guru bukan sahaja memberi kelebihan kepada murid malah kepada guru sendiri terutamanya apabila berkomunikasi dengan murid. Sikap positif ini menunjukkan bahawa guru memahami tugas sebagai seorang pendidik (Esah, 2003). Selain itu guru juga hendaklah peka terhadap perubahan kurikulum dan kehendak masyarakat serta negara. Dengan ini guru perlu sentiasa mengikuti perkembangan ilmu dan mengemas kini bahan serta kemahiran yang perlu diajar.

### **3.4. Ciri keusahawanan Guru**

Guru harus melengkapkan diri dengan ilmu baharu sesuai dengan perubahan dan kehendak semasa selaras dengan status mereka sebagai kelompok profesional. Perubahan ini adalah penting bagi membolehkan mereka mempunyai pemikiran kreatif dan imaginatif serta bertindak secara inovatif. Pandangan Hamat dan Che Nordin (2012), guru yang mempunyai sifat yang kreatif dan inovatif dapat mencapai prestasi yang tinggi. Hal ini kerana, sifat kreatif dan inovatif yang ada pada guru akan mewujudkan pengajaran yang lebih menyeronokkan, diminati dan meninggalkan kesan kepada murid secara langsung.

Guru sendiri perlu mempunyai sifat keusahawanan secara semulajadi supaya proses penerapan dapat dijalankan dengan mudah. Menurut Sharifah et al. (2014), seorang guru yang berjaya perlu memiliki ciri-ciri keusahawanan supaya matlamat sekolah dalam melahirkan murid berjaya tercapai. Kejayaan murid bukan sahaja dalam

akademik tetapi juga dari segi sahsiah mereka supaya bidang pendidikan berjaya melahirkan modal insan yang diperlukan oleh negara,

Berdasarkan kajian [Dam et al. \(2010\)](#), enam sifat atau ciri yang perlu ada pada guru perniagaan telah dikenal pasti. Antara ciri-cirinya adalah berpengetahuan, berfikiran kreatif, kebolehsuaian kerjaya, mampu menjalankan efikasi sendiri, mempunyai kemahiran rangkaian serta kerja berpasukan. Dengan memiliki ke enam-enam elemen ini guru tidak lagi sukar untuk menyampaikan ilmu keusahawanan sama ada dari segi teori atau praktikal kepada murid ([Dam et al., 2010](#)).

### 3.5. Penerapan Ciri Keusahawanan Melalui Pendidikan

Penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid amat dititikberatkan bagi tujuan melahirkan generasi muda yang berjiwa keusahawanan, mempunyai daya kreativiti yang tinggi serta berfikiran kritis ([Adam et al., 2014](#)). Hal ini kerana, aktiviti keusahawanan dipercayai mampu membantu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing sesebuah negara. Maka ciri keusahawanan perlu diterapkan bermula di bangku sekolah lagi agar hasrat kerajaan melahirkan generasi berjiwa keusahawanan dapat dicapai. Justeru, usaha untuk menerapkan ciri keusahawanan dalam pembelajaran tidak hanya tertumpu pada kandungan kurikulum sahaja malah guru perlu memainkan peranan mencungkil bakat dan semangat keusahawanan dalam kalangan murid ([Shahrin & Mohammad, 2013](#)).


Penerapan ciri keusahawanan dalam diri murid adalah perlu untuk membantu mereka menyelesaikan masalah secara inovatif dan dapat mewujudkan strategi alternatif yang cekap untuk mencapai sesuatu matlamat ([Yatim & Idris, 2016](#)). Sementara itu, penerapan ciri asas keusahawanan dalam diri setiap murid dapat membina sifat-sifat keusahawanan yang boleh mendorong mereka untuk menceburi bidang keusahawanan kelak. Nilai-nilai keusahawanan ini diterapkan melalui sistem pendidikan di dalam sukatan pelajaran yang berkaitan dengan bidang keusahawanan melalui mata pelajaran Prinsip Perakaunan, Pengajian perniagaan, perdagangan, Ekonomi dan sebagainya ([Farizah, Asmiza & Rashdan, 2006](#)).

## 4. Metod Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kaedah tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Pendekatan kuantitatif yang digunakan adalah untuk mendapatkan keputusan dalam bentuk analisis statistik iaitu deskriptif dan inferensi.

Jumlah populasi guru di sekolah Menengah harian di daerah Seremban adalah seramai 2538 orang guru ([Portal PPD Seremban, 2021](#)). Daripada jumlah ini kumpulan sasaran kajian hanya tertumpu pada guru yang mengajar mata pelajaran perniagaan sahaja iaitu seramai 63 orang. Secara umumnya, responden kajian ini terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran perniagaan sahaja. Daerah Seremban Negeri Sembilan dipilih sebagai lokasi kajian kerana peratusan pencapaian SPM murid bagi mata pelajaran perniagaan sentiasa rendah berbanding daerah yang lain. Carta alir penetapan kumpulan boleh dirujuk pada [Rajah 1](#).

Rajah 1: Carta Alir Penetapan Kumpulan Sasaran



Kumpulan sasaran kajian ini hanya ditumpukan kepada 26 buah sekolah sahaja berdasarkan pada Gred Purata Mata pelajaran (GPMP) perniagaan peringkat SPM. GPMP merupakan gred purata yang diperoleh untuk sesuatu mata pelajaran. GPMP yang rendah adalah dalam lingkungan 1.0 – 5.0 manakala GPMP yang tinggi adalah 5.1 – 9.0 (Portal PPD Seremban, 2021). Sekolah yang mempunyai GPMP yang kurang daripada 5.0 dikecualikan dari kajian ini kerana sekolah tersebut telah mencapai sasaran lulus.

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Soal selidik ini terbahagi kepada empat bahagian utama iaitu Bahagian A: profil responden (guru) (5 item) yang diadaptasi dari kajian Nor Aishah (2012). Bahagian B (10 item) diadaptasi dari kajian Shahrin dan Mohammad (2013) yang mengukur tahap minat guru dalam mata pelajaran perniagaan. Bahagian C (10 item): mengukur faktor motivasi, pengalaman, tingkah laku guru dan ciri keusahawanan guru sendiri. Bahagian yang terakhir ialah Bahagian D (10 item): mengukur ciri keusahawanan murid.

Proses menguji kesahan dan kebolehpercayaan adalah dengan menggunakan data statistik yang diperoleh melalui kajian rintis yang dianalisis menggunakan SPSS. Analisis data kajian mendapati nilai korelasi antara skor setiap item dengan jumlah skor adalah di antara 0.3 hingga 0.536. Nilai korelasi melebihi 0.3 memberikan maksud bahawa nilai kesahan bagi instrumen soal selidik boleh diterima. Kebolehpercayaan instrumen pula diukur dengan menggunakan *Cronbach Alpha* dan nilai yang diterima adalah .648, satu nilai yang boleh diterima untuk kajian lapangan dilaksanakan (Mohd. Najib, 2003).

Data kajian dianalisis secara deskriptif berbentuk frekuensi dan peratus untuk menganalisis demografi responden (Bahagian A). Analisis deskriptif yang berbentuk frekuensi, peratus dan purata keseluruhan min serta sisihan piawai digunakan untuk menjawab persoalan pertama iaitu mengukur faktor-faktor yang mempengaruhi minat guru. Bahagian B serta bahagian C dijawab berdasarkan skala likert.

## 5. Hasil Kajian

### 5.1. Profil Responden Kajian

Jadual 1 merupakan profil demografi responden secara terperinci. Ia dianalisis menggunakan frekuensi dan peratus mengikut setiap profil demografi iaitu jantina, umur, pengalaman guru, tahap pendidikan dan pengkhususan guru. Analisis mendapati majoriti guru terdiri daripada guru perempuan sebanyak 90.4% sebaliknya 9.6% adalah guru lelaki. Dari segi lingkungan umur pula peratusan tertinggi adalah responden daripada lingkungan umur 36 hingga 45 tahun iaitu sebanyak 62 % manakala peratusan yang rendah iaitu sebanyak 4.76 % adalah daripada responden yang berumur 55 tahun dan lebih.

Jadual 1: Profil responden

Item	Frenkuensi	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	6	9.6
Perempuan	57	90.4
Umur		
25 – 35	8	12.7
36 – 45	39	62.0
46 – 55	13	20.6
Lebih 55	3	4.76
Pengalaman kerja		
1 – 5 tahun	5	7.9
6 – 10 tahun	16	25.4
11 -15 tahun	22	34.9
Lebih 15 tahun	20	31.7
Taraf pendidikan		
Diploma	0	0
Ijazah Sarjana Muda	57	90.5
Sarjana	6	9.5
PHD	0	0
Pengkhususan		
Ya	48	76.0
Tidak	15	23.8

Sebanyak 34.9% responden mempunyai pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun serta hanya 7.5% responden sahaja yang mempunyai kurang 5 tahun pengalaman mengajar mata pelajaran perniagaan. Jika dilihat pada taraf pendidikan, majoriti responden memiliki ijazah sarjana muda sebanyak 90.5% serta 9.5% responden memiliki sarjana dalam bidang pendidikan. Selain itu sebanyak 76% responden kajian merupakan guru yang memiliki pengkhususan dalam mata pelajaran perniagaan, sebaliknya sebanyak 24% guru adalah dari bidang pengkhususan yang berbeza namun mengajar mata pelajaran perniagaan di sekolah.

## 5.2. Tahap minat guru perniagaan dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan

Dapatan kajian pada [Jadual 2](#) di bawah menunjukkan responden mempunyai purata skor min sebanyak 4.383 serta sisihan piawai ialah 0.522. Maklumat ini menunjukkan minat guru perniagaan dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 2: Tahap Minat Guru Perniagaan

Pemboleh ubah	Minat Guru
Skor Min	4.383
Sisihan piawai	0.522
Tahap	tinggi

Ini jelas dapat dilihat dalam [Jadual 3](#) akan kekerapan dan peratus persetujuan oleh guru terhadap setiap pernyataan yang diberi kepada mereka. Berdasarkan peratusan yang diperolehi daripada sepuluh item dalam konstruk menunjukkan bahawa minat guru terhadap pengajaran mata pelajaran memang tinggi. Ini jelas apabila dirujuk pada [Jadual 3](#). Kebanyakan item mempunyai frekuensi yang tinggi. Sebagai contoh, frekuensi

tertinggi adalah item 6 *iaitu 'Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif pengajaran'* dengan 95.6 peratus (S=28.6 peratus dan SS = 66.7 peratus).

Jadual 3: Kekerapan dan peratusan untuk setiap item konstruk Minat Guru (n=63)

No	Pernyataan	STS		TS		KS		S		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Berminat dalam mengajar mata pelajaran perniagaan	-	-	1	1.6	4	6.3	13	20.6	45	71.4
2	Menguasai isi kandungan DSKP Perniagaan sepenuhnya untuk pengajaran dan pembelajaran yang berkesan	-	-	-	-	7	11.1	40	63.5	16	25.4
3	Rasa sungguh seronok apabila mengajar mata pelajaran perniagaan	-	-	1	1.6	5	7.9	18	28.6	39	61.9
4	Kerap memikirkan idea-idea baru dalam pengajaran perniagaan kepada murid supaya lebih menarik	-	-	-	0	7	11.1	33	52.4	23	36.5
5	Mencontohi ciri-ciri usahawan yang berjaya seperti kreatif dan inovatif dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perniagaan	-	-	1	1.6	11	17.5	30	47.6	21	33.3
6	Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai objektif pengajaran	-	-	-	-	3	4.8	18	28.6	42	66.7
7	Sering mengorbankan masa untuk mencari bahan pengajaran yang bersesuaian untuk pembelajaran supaya dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada murid	-	-	-	-	5	7.9	26	41.3	32	50.8
8	Bersedia menyahut cabaran untuk mengajar mata pelajaran perniagaan yang merupakan sukatan baru	-	-	-	-	6	9.5	20	31.7	37	58.7
9	Sentiasa menyertai bengkel dan kursus berkaitan mata pelajaran perniagaan untuk menambahkan pengetahuan	-	-	1	1.6	7	11.1	32	50.8	23	36.5
10	Sentiasa mencari peluang untuk mempertingkatkan ilmu dalam bidang perniagaan	-	-	-	-	6	9.5	25	39.7	32	50.8

Kemudian diikuti dengan item 7 "*Sering mengorbankan masa untuk mencari bahan pengajaran yang bersesuaian untuk pembelajaran supaya dapat memberikan pemahaman yang lebih jelas kepada murid*" yang mencatatkan peratusan sebanyak 92.1 peratus (S = 41.3 peratus dan SS = 50.8 peratus). Seterusnya, item ketiga yang tertinggi adalah item 1 sebanyak 92 peratus (S = 13 peratus dan SS = 71.4 peratus) *iaitu 'berminat dalam mengajar mata pelajaran perniagaan'*. Manakala item 5 '*mencontohi ciri-ciri usahawan yang berjaya dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perniagaan.*' yang merupakan data yang paling rendah *iaitu* sebanyak 80.9 peratus masih lagi menunjukkan satu angka yang tinggi. Bila diteliti setiap data, ia menggambarkan bahawa secara amnya minat guru dalam pengajaran mata pelajaran

perniagaan adalah pada tahap yang tinggi, selari dengan nilai min dan peratus yang dilaporkan.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian [Shahrin dan Mohammad \(2013\)](#) yang mendapati bahawa tahap minat guru perniagaan dalam pengajaran adalah tinggi serta penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid tercapai. Selain itu dapatan kajian [Mohd Rosli \(2013\)](#) juga mendapati guru yang mempunyai tahap minat yang tinggi dalam pengajaran bidang keusahawanan dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan di samping memberikan kesedaran serta dorongan kepada murid agar bidang keusahawanan menjadi pilihan mereka.

Namun kajian [Nor Aishah \(2012\)](#) mempunyai dapatan yang berbeza, walaupun skor min bagi tahap minat guru dalam pengajaran adalah tinggi tetapi guru enggan melibatkan diri dalam membimbing murid menjalankan aktiviti berkaitan perniagaan di sekolah. Hasil kajian beliau juga mendapati kekurangan latihan serta kefahaman guru dalam bidang keusahawanan ini menyebabkan situasi sebegini timbul. Dapatan ini disokong oleh [Chimezie Comfort Okolocha et al. \(2013\)](#) melalui kajian yang dijalankan ke atas 260 responden guru di Anabia, Nigeria membuktikan bahawa walaupun tahap minat guru adalah tinggi dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan tetapi disebabkan oleh kekangan seperti kekurangan latihan, limitasi masa serta kekurangan bahan pengajaran menyebabkan proses penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid jurusan perniagaan kurang berkesan. Secara keseluruhannya tahap minat guru adalah pada tahap yang tinggi dalam pengajaran mata pelajaran perniagaan namun guru memerlukan lagi latihan, kursus motivasi bagi mempertingkatkan lagi pengetahuan guru dalam bidang keusahawanan ([Anandan, 2016](#)).

### 5.3. Tahap ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan dalam mata pelajaran Perniagaan

Dapatan kajian dalam [Jadual 4](#) menunjukkan skor min bagi ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan adalah 4.097 dan sisihan piawai adalah 0.557. Secara keseluruhannya ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan adalah pada tahap yang tinggi.

Jadual 4: Tahap Ciri Keusahawanan Murid Jurusan Perniagaan

Pemboleh ubah	Minat Guru
Skor Min	4.097
Sisihan piawai	0.557
Tahap	Tinggi

Ini jelas dapat dilihat melalui kekerapan dan peratus persetujuan oleh guru terhadap setiap pernyataan yang diberi kepada mereka. Perincian mengenai ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan boleh dirujuk pada [Jadual 5](#). Dapatan ini mempunyai lapan item keseluruhan untuk konstruk ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan. Merujuk [Jadual 5](#) analisis per item menunjukkan frekuensi tertinggi adalah daripada item 1 sebanyak 90.5 peratus iaitu '*Murid berasa puas hati apabila telah berkerja kuat untuk memajukan diri mereka*'. Kemudian diikuti dengan item 4 '*Murid berasa bangga apabila membuat kerja yang baik ke atas projek – projek yang dijalankan*' dengan frekunsinya adalah 90.4 peratus (S= 58.7 peratus dan SS = 31.7 peratus). Seterusnya adalah item 8 '*Mendapat kepuasan dan usaha-usaha yang telah dijalankan*' adalah sebanyak 85.7 peratus (S = 54.0 peratus dan SS = 31.7 peratus). Item 3 iaitu '*Murid*

*bersikap inovasi dalam menjalankan tugas perniagaan'* mencatatkan peratusan yang rendah sebanyak 72.8 peratus dengan skala setuju 50.8 peratus dan sangat setuju 22.2 peratus. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa tahap ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan adalah tinggi kerana tujuh daripada lapan pernyataan mencatatkan peratusan melebihi 80%.

Jadual 5 : Perincian konstruk ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan (n=63)

No	Pernyataan	STS		TS		KS		SS	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%	Bil	%
1	Murid berasa puas hati apabila telah bekerja kuat untuk memajukan diri mereka	-	-	-	-	6	9.5	22	34.9
2	Murid sentiasa berusaha untuk mencapai kejayaan	-	-	-	-	11	17.5	15	23.8
3	Murid bersikap inovasi dalam menjalankan tugas perniagaan	-	-	2	3.2	15	23.8	14	22.2
4	Murid berasa bangga apabila membuat kerja yang baik ke atas projek projek yang dijalankan	-	-	1	1.6	5	7.9	20	31.7
5	Bersikap terbuka dalam mengajukan soalan-soalan terutamanya ketika kerja kumpulan dijalankan	-	-	-	-	11	17.5	17	27.0
6	Bersikap ingin tahu dalam sesuatu bidang yang baru sebagai contohnya ingin mengenali perwatakan usahawan berjaya di Malaysia	-	-	-	-	13	20.6	14	22.2
7	Melaksanakan perkara-perkara yang bermakna semasa membuat kerja setiap hari	-	-	2	3.2	11	17.5	9	14.3
8	Mendapat kepuasan dari uaha usaha yang telah di jalankan	-	-	-	-	9	14.3	20	31.7

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap ciri keusahawanan murid adalah pada tahap yang tinggi mengikut persepsi guru mengajar mata pelajaran perniagaan. Ini menunjukkan bahawa murid jurusan perniagaan mempunyai ciri keusahawanan yang tinggi yang dipupuk melalui proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran perniagaan.. Dapatan kajian ini berbeza dengan kajian yang telah dijalankan oleh [Yatim dan Idris \(2016\)](#) bahawa ciri keusahawanan murid berada pada tahap yang sederhana di mana hanya 60 peratus murid dalam kajian sahaja yang bersetuju bahawa mereka cenderung dan berminat dalam bidang keusahawanan. Manakala dapatan kajian Hashim dan [Mohd Yasin \(2011\)](#) yang dijalankan ke atas pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) mendapati bahawa pelajar mempunyai tahap yang tinggi berkenaan minat mereka dalam menceburi bidang keusahawanan.

Kajian yang dijalankan oleh [Siti Noor et al. \(2021\)](#) membuktikan bahawa ciri keusahawanan murid perempuan adalah tinggi berbanding murid lelaki. Dapatan kajian beliau juga mendapati tahap murid mengamalkan ciri keusahawanan seperti berkeyakinan tinggi, bertanggungjawab, mengambil risiko adalah tinggi. Tambahan pula, menurut kajian [Zaidatul dan Bagheri \(2010\)](#). Ciri-ciri keusahawanan seperti

kesungguhan, tidak mudah putus asa, bermotivasi, berinovasi, bijak membuat keputusan yang ada pada diri murid dapat menimbulkan motivasi dan minat murid dalam menguasai mata pelajaran perniagaan. Secara keseluruhan ciri keusahawanan murid adalah pada tahap yang tinggi dan ciri ini lahirnya daripada proses penerapan ciri keusahawanan melalui pengajaran guru mata pelajaran perniagaan dalam kelas. Pernyataan ini dibuktikan dengan dapatan kajian hampir 95 peratus guru daerah Seremban bersetuju bahawa berfikiran positif dan sentiasa menggalakkan murid untuk berfikiran positif dapat membudayakan ciri keusahawanan murid secara tidak langsung melalui pendidikan.

## 6. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap minat guru dengan ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan adalah pada tahap tinggi. Ciri keusahawanan dalam diri murid sentiasa perlu digilap agar dapat melahirkan modal insan yang berdaya saing. Ciri keusahawanan murid ini perlu diterapkan melalui pendidikan. Maka guru yang mengajar mata pelajaran perniagaan perlu mempunyai tahap minat yang tinggi dalam mata pelajaran perniagaan untuk merealisasikan penerapan ciri keusahawanan dalam kalangan murid. Guru merupakan tulang belakang dalam menyampaikan pelbagai ilmu pendidikan kepada murid secara tidak terhad (Yatim & Idris, 2016). Komitmen dan usaha dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan adalah sebahagian tugas utama guru bagi menjamin kualiti murid yang dihasilkan (Mohd Rosli, 2013). Guru juga perlu menumpukan pada kemahiran insaniah (*soft skills*) dalam pembentukan modal insan yang seimbang. Transformasi pendidikan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PIPMM) 2013 – 2025 dilaksanakan dengan matlamat untuk melengkapkan murid dengan pelbagai kemahiran baru yang diperlukan untuk mengeksploitasikan peluang dan mengharungi cabaran abad ke-21 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Matlamat ini adalah selari dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) iaitu mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu serta berterusan bagi melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani dan emosi

Implikasi daripada kajian ini, untuk mencapai hasrat agar lebih ramai murid menceburi kerjaya keusahawanan, pelbagai pihak yang terlibat seperti Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pentadbir sekolah, guru-guru, ibu bapa perlu bijak dalam menggembeng tenaga dengan memberi tumpuan untuk meningkatkan minat serta ciri keusahawanan murid jurusan perniagaan agar memilih kerjaya keusahawanan sebagai kerjaya tetap mereka apabila menamatkan pengajian kelak. Hal ini bertujuan untuk menambahkan peluang pekerjaan kepada negara serta menambahkan bilangan usahawan terutama kepada belia. Diharapkan kajian ini, boleh menjadi satu input kepada pihak KPM untuk mengetahui tahap minat guru perniagaan daerah Seremban dan ciri keusahawanan murid sekali gus mewakili murid jurusan perniagaan sekolah menengah yang lain dalam melaksanakan inovasi dalam Pendidikan keusahawanan ini. Kajian ini hanyalah berbentuk tinjauan dan hanya melibatkan guru daerah Seremban sahaja. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan mendalam secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang terperinci bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Profesor Dr Norasmah bt Othman selaku penyelia saya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Seremban kerana membantu saya dalam dapatan data pendidikan yang terkini

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak atau agensi.

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interests*)**

Para penulis tidak mempunyai konflik kepentingan dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

### **Rujukan**

- Abdul Aziz Yusof & Zakaria Yusof. (2004). *Prinsip keusahawanan. Edisi kedua*. Petaling Jaya: Prentice hall
- Adam, A., Abd Razak, S., & Ahmad, N. (2014). Kecenderungan Usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana di Bawah Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Terhadap E-Dagang, *Persidangan Penyelidikan dan Inovasi Kali Ketiga*. [https://www.academia.edu/10016898/KECENDERUNGAN\\_USAHAWAN\\_PERUSAHAAN\\_KECIL\\_DAN\\_SEDERHANA\\_DI\\_BAWAH\\_AMANAH\\_IKHTIAR\\_MALAYSIA\\_AIM\\_TERHADAP\\_E-DAGANG](https://www.academia.edu/10016898/KECENDERUNGAN_USAHAWAN_PERUSAHAAN_KECIL_DAN_SEDERHANA_DI_BAWAH_AMANAH_IKHTIAR_MALAYSIA_AIM_TERHADAP_E-DAGANG)
- Anandan Muniandy. (2016). *Hubungan di Antara Kemahiran Keusahawanan Guru di Daerah Dengan Efikasi Larut, Matang dan Selama, Perak*. Tesis Sarjana. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi. Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Armanurah Mohamad. (2014). *Penilaian Pelaksanaan Program Siswa Niaga* Universiti Utara Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Putra Malaysia
- Azwan Ahmad, Abdul Ghani Abdullah, Mohammad Zohir Ahmad, & Abd. Rahman Hj Abd. Aziz. (2005). Kesan Efikasi Guru Sejarah Kesan Efikasi Kendiri Guru Sejarah Terhadap Amalan Pengajaran Berbantuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). *Jurnal Penyelidikan Pendidikan, Jilid 7*, 15-24. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/penerbitan-dan-jurnal/penyelidikan/1360-jurnal7/file>
- Bahri, S. (2018). Pengaruh Risk Tolerance, Risk Perception dan Kecerdasan Spritual Terhadap Keputusan Invertasi. *Artikel Ilmiah*, 1-11. <http://eprints.perbanas.ac.id/id/eprint/3595>
- Baker, C. N., Tichovolsky, M. H., Kupersmidt, J. B., Voegler-Lee, M. E., & Arnold, D. H. (2015). Teacher (Mis) Perceptions of Preschoolers' Academic Skills: Predictors and Associations With Longitudinal Outcomes. *Journal of Educational Psychology, 107*(3). 805.
- Bakri, H. M. Hatta, & Muhammad. (2007). Pelaksanaan Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sekolah Rendah Daerah Besut, Terengganu. *Seminar Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang, 57*(2), 1-16.
- Chimezie Comfort Okolocha, Euphemia N., & Onyeneke. (2013). Secondary School Principal's Perception of Business Studies Teachers Teaching Effectiveness in

- Anambia State, Nigeria. *Journal Of Education*, 4(2), 171-180. <https://core.ac.uk/download/pdf/234633945.pdf>
- Dam, K. Van, Schipper, M., & Runhaar, P. (2010). Developing a competency-based framework for teachers' entrepreneurial behaviour. *Teaching and Teacher Education*, 26(4), 965–971.
- De Dreu, C. K. W., Nijstad, B. A., Bechtoldt, M. N., & Baas, M. (2011). Group creativity and innovation: A motivated information processing perspective. *Psychology of Aesthetics, Creativity, and the Arts*, 5, 81–89. <https://doi.apa.org/doi/10.1037/a0017986>
- Esah Sulaiman. (2003). *Amalan Profesionalisme Perguruan. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.*
- Farizah, A., Asmiza, O., & Rashdan, R. (2006). Memupuk budaya usahawan dalam kalangan pelajar di politeknik tuank syed sirajuddin: Satu kajian deskriptif. *Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Malaysia*, 1(1), 1-10.
- Hamat, M. F., & Che Nordin, M. K. N. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review on the Importance of Human Capital Development in Malaysia). *Journal of Al-Tamaddun*, 7(1), 75–89. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8556>
- Hamzah, M, R., Ismail, N., Nordin, N., & Daud, K, A, K. (2009). Tahap Pengetahuan dan Minat Pelajar Universiti Terhadap Bidang Keusahawanan: Satu Tinjauan Ke arah Pembentukan Teknousahawan. *Akademika*. [https://www.researchgate.net/publication/287277641\\_Tahap\\_Pengetahuan\\_dan\\_Minat\\_Pelajar\\_Universiti\\_Malaysia\\_Perlis\\_Terhadap\\_Bidang\\_Keusahawanan\\_Satu\\_Tinjauan\\_ke\\_Arah\\_Pembentukan\\_Teknousahawan](https://www.researchgate.net/publication/287277641_Tahap_Pengetahuan_dan_Minat_Pelajar_Universiti_Malaysia_Perlis_Terhadap_Bidang_Keusahawanan_Satu_Tinjauan_ke_Arah_Pembentukan_Teknousahawan)
- Hashim, S., & Abdul Rahman, N. (2012). *Kecenderungan Guru PKPG 4SPH Terhadap Bidang Keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia, Fakulti Pendidikan
- Hassan, C, S., Hassan, N, C., & Buang, N, A. (2010). Penguasaan Kemahiran Insaniah Kemahiran Keusahawanan dalam Kalangan Guru Sekolah di Malaysia. *Proceedings of The 4th International Conferences on Teacher Education*. Bandung Indonesia, 8-10 November
- Ishak, S., & Omar, A. R. C. (2015). Keusahawanan Sosial Sebagai Satu Pendekatan Inovatif ke Arah Transformasi Sosial Masyarakat: Kajian kes di Malaysia. *Journal of Society and Space*, 11(8), 38-51
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*, 2025, 1–12. Diakses pada 22 Oct 2021, diperolehi daripada <http://doi.org/10.1016>
- Mahendran, A. M., Djatmika, E. T., & Hermawan, A. (2017). The Effect of Entrepreneurship Education on Entrepreneurial Intention Mediated by Motivation and Attitude Among Management Students State of Malang Indonesia. *International Education Studies*, 10(9), 61-69. <https://www.ccsenet.org/journal/index.php/ies/article/view/67155>
- Mohd Azhar Abdul Hamid. (2003). *Kreativiti Konsep Teori & Praktis*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rosli, F. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Ke Arah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan Di Uthm*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan ikthisas pendidikan. Fakulti pendidikan teknikal dan vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. <http://eprints.uthm.edu.my/1901/1/24p%20FARHANA%20MOHD%20ROSLI.pdf>
- Mohd Yasin. (2011). Pengaruh Pendekatan Pengajaran Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan dan Minat Pelajar Menjadi Usahawan. *ICOFEA 2011 Conference Proceeding*

- Mohd. Ishak, N., Ariffin, S. R., Din, R., & Abd Karim, A. (2002). Expanding the Traditional Classroom Through Computer Technology: Collaborative Learning in Graduate Social Science Courses. *Jurnal Teknologi*, 37(1), 17-28. <https://doi.org/10.11113/jt.v37.553>
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Nadzri, S., Shamsudin, S., & Muhammad Sabri, M, F. (2014). Faktor Faktor Penyumbang Kepada Kejayaan dan Kegagalan Perusahaan Kecil Sederhana Bumiputera di Malaysia. *E-Proceeding of The Conference on Management*, 26-27 May
- Nagarathanam, R. (2015). Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi [Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi]. ResearchGate. <http://dx.doi.org/10.13140/RG.2.1.4003.6563>
- Natrah, M. S., Ezat WP, S., Syed, M. A., Rizal, M. A. M., Saperi, S., Ismail, S., Fuad, I., & Azrif, M. M. A. (2012). Economic evaluation of monoclonal antibody in the management of colorectal cancer in Malaysia. *BMC Health Services Research*, 12(S1). <https://doi.org/10.1186/1472-6963-12-s1-p3>
- Noorizda, & Noraman. (2018). *Potensi Keusahawanan Dan Ciri-Ciri Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*. Proceedings of The 2nd. International Conference On Arts, Social Sciences & Technology Penang, Malaysia, 3rd: 1-8
- Nor Aishah Buang. (2012). Konsep Kesediaan Keusahawanan Berdasarkan Kajian Kes Usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 187-203
- Norasmah Othman. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. [Tesis Doktor Falsafah]. Fakulti Pengajian Pendidikan. Universiti Putra Malaysia.
- Othman, N., Lope Pihie, Z. A., Nazri, M. I., & Ahmad Tarmizi, R. (2003). Aplikasi Model Kolb Dalam Program Keusahawanan Remaja, *Jurnal Teknologi*, 38(1). <https://doi.org/10.11113/jt.v38.514>
- Portal PPD Seremban. (2021). <http://www.moe.gov.my/ppdseremban/>
- Qian, Y., Deng, X., Ye, Q., Ma, B., & Yuan, H. (2019). On detecting business event from the headlines and leads of massive online news articles. *Information Processing & Management*, 56(6), 102086. <https://doi.org/10.1016/j.ipm.2019.102086>
- Santrock, J. (2008). *Educational Psychology*. New York, NY: MCGraw-Hill
- Shahrin Hashim, & Mohammad, S. H., (2013). Faktor Penghalang Penerapan Ciri Keusahawanan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Mengikut Persepsi Guru. <https://core.ac.uk/download/pdf/11786495.pdf>
- Sharifah Nor Puteh, & Subahan Mohd. Meerah. (2014). Cabaran Dan Isu Dalam Perancangan Dan Pembangunan kurikulum persekolahan di Malaysia: *Satu Analisis Refleksi*. Academia.edu, 1-12. Diperolehi daripada [https://www.academia.edu/5132795/CABARAN\\_DAN\\_ISU\\_DALAM\\_PERANCANGAN\\_DAN\\_PEMBANGUNAN\\_KURIKULUM\\_PERSEKOLAHAN\\_DI\\_MALAYSIA\\_SATU\\_ANALISIS\\_REFLEKSI](https://www.academia.edu/5132795/CABARAN_DAN_ISU_DALAM_PERANCANGAN_DAN_PEMBANGUNAN_KURIKULUM_PERSEKOLAHAN_DI_MALAYSIA_SATU_ANALISIS_REFLEKSI)
- Siti Noor Shamilah Misnan, & Abdul Manaf, H. (2021). The Influence of Entrepreneurship Program Content of The Business Viability of Youth Entrepreneurs. *International Journal of Multidisciplinary Research (IJMR)*, 7(4). Diperolehi daripada <https://eprajournals.com/IJMR/article/4689/abstract>
- Sumadi, A, R. & Sulistyawati, E. (2017). Pengaruh, Sikap, Motivasi dan Lingkungan Terhadap Niat Berwirausaha. *E-Jurnal Manajemen*, 6(2), 1007-1029. <https://ojs.unud.ac.id/index.php/Manajemen/article/view/27472>

- Wan Nawang, W, M, Z., Sa'at, N, H., Ahmad, S., & Mamat, I. (2016). Kecenderungan Keusahawana Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Terengganu. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1), 87-98.
- Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H., Mohamed, M., & Rahman, A. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan keusahawanan*. 25 – 26 September.
- Yap, P. M. (2002). Kesediaan Guru guru Perdagangan di Wilayah Persekutuan dari Aspek Pengetahuan Kaedah Pengajaran dan Sikap Terhadap Pengajaran Subjek Pengajian Keusahawanan. *Jurnal Teknologi*, 37(1). <https://doi.org/10.11113/jt.v37.552>
- Yatim, R., & Idris, M, S. (2016). *Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Perniagaan dan Keusahawanan Dalam Kalangan Guru Kemahiran Hidup Sekolah Rendah di Daerah Batu Pahat Dari Persepsi Pelajar*. Tesis Sarjana Muda. UTHM. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4755>
- Zaidatol, A., & Bagheri, A. (2010). Entrepreneurial attitude and entrepreneurial efficacy of technical secondary school students. *Journal of Vocational Education and Training*, 62(3), 351–366. doi:10.1080/13636820.2010.509806